



Rujukan Kami : JPT/GS1000-606 ( 2 )

Tarikh : 28 September 2009

Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

**PEKELILING, SEKTOR PENGURUSAN IPTS, JABATAN PENGAJIAN  
TINGGI, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA  
BIL. 1/2009.**

**KRITERIA BARU BAGI MEMPERAKUKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
SWASTA (IPTS) UNTUK MENGAMBIL PELAJAR ANTARABANGSA DAN  
PEMBAHARUAN KELULUSAN PENGAMBILAN PELAJAR  
ANTARABANGSA.**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kriteria baru bagi memperakukan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) untuk mengambil pelajar antarabangsa dan kriteria untuk penilaian ke atas pembaharuan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada masa kini, setiap Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang bercadang untuk mengambil pelajar antarabangsa hendaklah mendapatkan kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa dari Kementerian Dalam Negeri (KDN). Kelulusan tersebut akan

dipertimbangkan berdasarkan perakuan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

2.2 Selaras dengan teras keempat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa, satu kriteria yang mantap dan menyeluruh bagi menilai kemampuan dan keupayaan sesebuah IPTS menawarkan pengajian tinggi yang berkualiti untuk diperakukan ke KDN bagi diberi kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa adalah merupakan satu keperluan.

2.3 Sehubungan itu, KPT memutuskan untuk menguatkuasakan kriteria baru di dalam penilaian bagi memperakukan kepada KDN berkaitan kelulusan IPTS untuk mengambil pelajar antarabangsa.

### **3. KRITERIA BARU BAGI MEMPERAKUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) UNTUK MENGAMBIL PELAJAR ANTARABANGSA**

#### **i. Status IPTS**

- (a) IPTS hendaklah berdaftar dengan KPT.
- (b) IPTS hendaklah mempunyai perakuan pendaftaran yang sah iaitu sekurang-kurangnya untuk tempoh enam (6) bulan pada tarikh permohonan dikemukakan.
- (c) IPTS yang beroperasi dengan menggunakan perakuan pendaftaran bersyarat tidak akan dipertimbangkan.

**ii. Status Kursus**

- (a) IPTS hendaklah mengendalikan kursus pengajian yang diluluskan oleh KPT sahaja.
- (b) Kursus pengajian yang ditawarkan hendaklah telah mencapai akreditasi penuh.
- (c) Kursus pengajian yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa hendaklah dijalankan secara sepenuh masa.

**iii. Pengurusan dan Pentadbiran**

- (a) IPTS hendaklah mempunyai *track record* yang baik di mana IPTS berkenaan tidak pernah melakukan pelanggaran apa-apa peruntukan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555).
- (b) Permohonan IPTS yang dalam proses penjualan, pembangunan semula perniagaan dan pertukaran premis tidak akan dipertimbangkan.
- (c) IPTS hendaklah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh berdasarkan laporan penyata kewangan yang telah diaudit untuk tiga (3) tahun terakhir.

**iv. Infrastruktur dan Kemudahan**

- (a) IPTS hendaklah menonjolkan imej sebagai sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf antarabangsa.

- (b) IPTS hendaklah mempunyai kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan mencukupi. IPTS juga hendaklah mempunyai pusat pelajar dan kemudahan rekreasi yang bersesuaian untuk kegunaan pelajar.
- (c) IPTS hendaklah mempunyai kawalan keselamatan yang baik dan berkesan.
- (d) IPTS hendaklah berupaya mengurus serta menyelia kemudahan penginapan.

**v. Pengurusan Kebajikan Pelajar**

- (a) IPTS hendaklah mempunyai unit pengurusan pelajar antarabangsa.
- (b) IPTS hendaklah mempunyai pegawai yang mencukupi dan berkelayakan serta berpengetahuan untuk menguruskan hal ehwal pelajar antarabangsa.
- (c) IPTS hendaklah mempunyai dasar kutipan dan pemulangan yuran serta memperjelasannya dalam surat tawaran kepada pelajar antarabangsa.
- (d) IPTS hendaklah mewujudkan/menyediakan *international student handbook*.

**4. KRITERIA UNTUK PENILAIAN KE ATAS PEMBAHARUAN KELULUSAN PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA**

- 4.1** Kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa yang dikeluarkan oleh KDN adalah sah untuk tempoh dua (2) tahun.

- 4.2 IPTS dikehendaki memohon untuk membaharui kelulusan tersebut sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebelum tarikh tamat sah laku.
- 4.3 Lawatan ke IPTS berkenaan dan penilaian semula akan dilaksanakan sebelum perakuan oleh KPT dikemukakan kepada KDN. Kriteria yang sama seperti di perenggan 3 adalah juga digunakan bagi tujuan penilaian berserta dengan kriteria tambahan seperti berikut:
- i. ***Key Performance Indicator (KPI) bagi IPTS***
    - (a) IPTS mestilah menyediakan *Key Performance Indicator (KPI)* untuk mengambil pelajar antarabangsa berdasarkan kapasiti IPTS tersebut dan KPI tersebut mendapat kelulusan daripada KPT sepanjang dua (2) tahun kelulusan diberikan.
  - ii. **Nisbah Pelajar Tempatan Dengan Pelajar Antarabangsa**
    - (a) IPTS hendaklah memastikan bilangan pelajar tempatan berbanding pelajar antarabangsa adalah tidak melebihi nisbah 20:80 pada setiap masa.
  - iii. **Komposisi Pelajar Antarabangsa**
    - (a) komposisi pelajar antarabangsa yang berdaftar di mana-mana IPTS hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) buah negara dan tidak tertumpu pada sebuah negara sahaja.

**iv. Pengurusan Rekod Dan Fail Pelajar**

- (a) IPTS hendaklah mempunyai pengurusan fail dan rekod pelajar yang sistematik dan kemas kini.

**v. Pengurusan Kebajikan Pelajar**

- (a) IPTS hendaklah menguruskan kebajikan pelajar dengan efektif dan berkesan.

**5. TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)**

**5.1 Semua IPTS hendaklah memastikan bahawa:**

- (a) Mulai dari tarikh kuat kuasa pekeliling ini, pelajar-pelajar antarabangsa hanya boleh mengikuti kursus-kursus yang mempunyai akreditasi penuh sahaja;
- (b) Bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti kursus pengajian yang mempunyai taraf akreditasi sementara (*provisional accreditation*), pelajar-pelajar tersebut boleh meneruskan pengajian sehingga tamat; dan
- (c) Pihak IPTS dikehendaki memastikan kursus-kursus pengajian yang bertaraf akreditasi sementara hendaklah mendapat akreditasi penuh sebelum pelajar-pelajar antarabangsa menamatkan pengajian.

**6. TARIKH KUAT KUASA**

**6.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010.**

## 7. PEMBATALAN

- 7.1 Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling Bil. 6/2006 bertarikh 28 November 2006 mengenai Pemberitahuan Berhubung Syarat-syarat Tambahan Untuk Merekrut Pelajar Antarabangsa adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI)**  
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

s.k

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Pengarah  
Jabatan Imigresen Malaysia

Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta  
Kementerian Pengajian Tinggi